SAIPUDDIN ABDUL AZIZ & YANG LAIN A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG B
YAACOB MD SAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-170-2008]
26 JUN 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 376 - Kesalahan merogol budak perempuan di bawah umur 16 tahun - Rayuan atas sabitan dan hukuman - Sama ada Hakim Sesyen gagal membuat analisa testimoni saksi - Sama ada Hakim Sesyen tidak menilai keperluan keterangan sokongan - Sama ada pengecaman ke atas perayu-perayu semasa kawad cam cacat - Sama ada terdapat keraguan di atas pengecaman oleh mangsa ke atas perayu-perayu - Sama ada pembelaan perayu-perayu menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan - Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie* C D

Rayuan ini adalah dibuat oleh perayu pertama, kedua, ketiga dan kelima terhadap sabitan dan hukuman bagi kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan di mana Hakim Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara. Mangsa (SP5) adalah seorang kanak-kanak perempuan pekak dan bisu. Pada hari malang itu, SP5 dan rakan setingkatan yang sebaya umur mangsa yang juga seorang perempuan pekak dan bisu (SP7) ke Pasaraya Summit, Bukit Mertajam untuk mengambil bas pulang ke asrama. Menurut mangsa, dua orang lelaki melayu (dipercayai perayu ketiga dan OKT4) telah mendekati SP5 dan SP7. Ketika itu bas ke Parit Buntar hendak bertolak dan secara tiba-tiba perayu ketiga telah menolak jatuh SP7 manakala OKT4 pula menarik tangan SP5 naik ke dalam bas. Di bahagian belakang bas terdapat beberapa lagi rakan OKT4 dan perayu ketiga. Seterusnya, perayu-perayu telah membawa SP5 ke sebuah ladang kelapa sawit berhampiran lebuh raya Utara Selatan Kampung Sungai Kecil dan secara bergilir-gilir telah merogol SP5. Selepas itu, perayu ketiga telah membawa SP5 ke sebuah rumah di mana keesokan harinya SP5 dapat melarikan diri. Ibu angkat kepada SP5 iaitu SP10 telah membawa SP5 ke balai polis bagi membuat laporan ditemani oleh seorang guru sekolah SP5. Seorang doktor (SP6) di Doktor Sakit Puan Hospital Seberang Jaya telah memeriksa SP5 dan mendapati terdapat koyakan pada hymen SP5 yang berkemungkinan akibat dari kemasukan 'penis' lelaki tetapi tiada kecederaan lain pada tubuh E F G H I

A badan SP5. Hakim Sesyen mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan dan tertuduh-tuduh dipanggil membela diri. Perayu pertama, kedua, ketiga, OKT4 dan perayu kelima telah memberi keterangan secara bersumpah dan menafikan ada merogol SP5. Hakim Sesyen telah
B membincangkan keterangan pembelaan setiap perayu dan OKT4 dan membuat penilaian ke atas pembelaan perayu-perayu secara individu berdasarkan keterangan perayu, saksi alibi perayu dan keterangan yang ada di antara perayu tersebut dan memutuskan pembelaan perayu-perayu dan OKT4 gagal menimbulkan keraguan
C ke atas kes pendakwaan. Isu-isu yang dibangkitkan di hadapan mahkamah ini adalah (a) Hakim Sesyen dalam penghakiman bertulisnya hanya menghasilkan semula keterangan saksi-saksi pendakwaan tanpa membuat analisa atau menilai testimoni-testimoni saksi sebelum memutuskan pihak pendakwaan telah
D membuktikan kes *prima facie*; (b) Hakim Sesyen telah tidak menilai keperluan keterangan sokongan dan telah tidak memberi amaran kepada dirinya sendiri apabila menerima keterangan pendakwaan tanpa keterangan sokongan; (c) pengecaman ke atas perayu-perayu yang dibuat oleh SP5 semasa kawad cam adalah cacat disebabkan
E SP5 telah mengakui melihat perayu di balai polis tersebut sebelum kawad cam diadakan; (d) terdapat keraguan di atas pengecaman oleh SP5 ke atas perayu-perayu disebabkan cuaca malam yang gelap di tempat kejadian dan SP5 berada dalam keadaan 'pening dan lemah' pada kejadian rogol yang dikatakan berlaku secara
F bergilir-gilir dan (e) pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan telah gagal ditimbangkan oleh Hakim Sesyen.

Diputuskan (menolak rayuan perayu-perayu; mengekalkan
G **sabitan dan hukuman Hakim Sesyen):**

(1) Hakim Sesyen telah menurunkan keterangan SP5 semasa pemeriksaan utama yang memberikan latar belakang kejadian daripada masa SP5 dan SP7 berada di pasaraya Summit, Bukit
H Mertajam dan tiba di Stesyen Bas Butterworth dan kejadian yang berlaku di stesyen bas Butterworth sehingga SP5 dibawa ke Parit Buntar dan seterusnya ke tempat kejadian di mana berlakunya kejadian rogol oleh perayu pertama, kedua, ketiga OKT4 dan perayu kelima ke atas SP5 serta empat orang lain.
I Hakim Sesyen juga menyentuh perlakuan SP5 selepas dapat melepaskan diri hingga kejadian diberitahu dan laporan polis dibuat oleh mangsa. Hakim Sesyen juga berpuas hati bahawa umur SP5 telah dibuktikan melalui sijil lahir asal dan

keterangan SP10 dan berpuas hati SP5 adalah perempuan bawah umur. Hakim Sesyen mendapat keterangan SP5 tentang apa yang berlaku di stesyen bas Butterworth disokong oleh keterangan SP7, serta keterangan SP6 yang mengesahkan terdapatnya kesan koyakan di kemaluan SP5. Mahkamah ini berpendapat Hakim Sesyen telah membuat dapatan fakta ke atas keterangan dan kredibiliti SP5 setelah menilai dan menguji keterangan SP5 dengan keterangan-keterangan lain yang ada, keterangan SP5 yang tidak goyah walaupun menghadapi pemeriksaan balas yang bertubi-tubi daripada peguam-peguam OKT. Mahkamah ini berpendapat jumpaan fakta tersebut adalah betul dan tidak bertentangan dengan keterangan yang ada. Mahkamah ini juga akan membuat jumpaan yang sama seperti yang diputuskan oleh Hakim Sesyen itu. Hakim Sesyen tidak tersalah arah dalam memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie*.
(perenggan 49, 52, 56 & 58)

(2) Dalam kes-kes berkaitan kesalahan sexual, keterangan sokongan adalah dititikberatkan sebagai satu amalan yang prudent dan bukannya menjadi satu keperluan wajib undang-undang. SP5 telah memberi keterangan secara bersumpah dan dengan itu Hakim Sesyen boleh membuat dapatannya terhadap kredibiliti keterangan SP5 dan kredibiliti SP5 itu sendiri sama ada boleh disandarkan sepenuhnya atau memerlukan keterangan sokongan terhadap sesuatu fakta yang dipernyatakan. Tidak timbul isu kegagalan Hakim Sesyen memberi amaran kepada dirinya sendiri kerana Hakim Sesyen tidak mengambil keterangan SP5 semata-mata dalam membuat keputusan *prima facie* tersebut. Seterusnya, SP5 yang berumur 15 tahun 6 bulan semasa kejadian dan seorang yang bisu dan pekak dan datang dari latar belakang keluarga yang kurang berpengetahuan dan pendidikan. Maka itu perlakuan perayu selepas kejadian boleh difahami dalam kontek budaya masyarakat tempatan lebih-lebih lagi SP5 adalah kanak-kanak istimewa yang mengalami kurang upaya mendengar dan berkata-kata secara lisan. Pemerhatian saksi-saksi yang telah memberi keterangan terhadap perlakuan dan sikap SP5 selepas kejadian tersebut dan penjelasan yang diberikan oleh SP5 adalah munasabah untuk diterima dan diberikan nilai berat di atas kelewatan memberitahu kejadian tersebut dan bukanlah sesuatu yang 'inherently incredible.'
(perenggan 64, 65, 66 & 68)

(3) Tidak pada mana-mana bahagian penghakimannya Hakim Sesyen merujuk kepada pengecaman kawad cam. Keputusan Hakim Sesyen di akhir kes pendakwaan dan keputusan di akhir kes pembelaan juga tidak merujuk kepada pengecaman kawad cam sebagai keterangan yang telah diambilkira oleh Hakim Sesyen. Oleh yang demikian, hujahan peguam tentang kawad cam yang cacat adalah tidak mempunyai merit dalam keputusan Hakim Sesyen kerana Hakim Sesyen tidak menggunakan keterangan kawad cam dalam mencapai keputusannya. Oleh itu tiada apa-apa prejudis atau kegagalan keadilan terhadap perayu-perayu telah berlaku di dalam perkara ini. (perenggan 73 & 74)

(4) Mutu pengecaman adalah bergantung kepada keadaan, tempat, jarak, masa, cahaya, lama mana dan pengalaman yang dialami oleh saksi (mangsa) yang melibatkan tertuduh tersebut seperti peluang mengecami, perbualan, rupa perawakan, pakaian, saiz tubuh badan, tanda-tanda khusus dan lain-lain. Apa yang penting ialah mangsa dengan kukuhnya atau secara positif dapat mengecamkan tertuduh sebagai orang yang berada di tempat kejadian dan melakukan perlakuan rogol ke atasnya. Pengecaman itu adalah dibuat bukan berdasarkan 'recognition' kerana pernah melihat tertuduh sebelum itu, tetapi berdasarkan 'identification' bahawa tertuduhlah yang telah melakukan perbuatannya ke atas mangsa dan berada di tempat kejadian. Dalam kes ini, oleh kerana SP5 seorang yang pekak dan bisu maka pengecaman lebih tertumpu kepada apa yang SP5 lihat (visual) dan deria rasa yang merakamkan pengalamannya itu. Cahaya di tempat kejadian adalah gelap tetapi pada peringkat awal sebaik sebelum lelaki-lelaki datang duduk di hamparan terdapat cahaya dari lampu motorsikal. Selepas lampu motorsikal itu dipadamkan SP5 mengatakan dapat melihat lelaki-lelaki yang merogolnya kerana muka mereka berhadapan muka SP5 dan jarak lelaki-lelaki tersebut semasa bersama SP5 adalah satu kaki. Setelah menimbangkan dapatan Hakim Sesyen terhadap kualiti pengecaman yang disandarkannya, mahkamah ini tidak mendapatinya sebagai sesuatu yang tidak munasabah. Pengecaman oleh SP5 adalah meyakinkan dan positif untuk diterima. (perenggan 89 & 97)

(5) Hakim Sesyen tidak tersalah arah dirinya di dalam mempertimbangkan pembelaan perayu-perayu tersebut dan beban pembuktian pembelaan yang hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

Mahkamah juga telah meneliti keterangan DW1, DW2, DW3, DW4, DW5, DW6, DW7 dan DW8 dan mendapati dapatan hakim bicara terhadapnya tidak bersalahan. Tidak timbul keadaan kegagalan atau 'insufficient judicial appreciation of the evidence' oleh Hakim Sesyen dalam mencapai keputusannya itu. Oleh yang demikian, mahkamah ini dengan hormatnya berpendapat hujahan peguam dalam perkara ini tidak mempunyai merit. (perenggan 100)

(6) Mahkamah ini mendapati sabitan oleh Hakim Sesyen ke atas perayu pertama, kedua, ketiga, OKT4 dan perayu kelima adalah selamat dilakukan dan mahkamah ini mengekalkannya. Dalam hal penghukuman, mahkamah ini tidak mendapati apa-apa unsur yang 'unauthorised or extraneous or irrelevant' yang diambilpakai oleh Hakim Sesyen dalam penghukuman ke atas perayu-perayu. Oleh itu mahkamah ini tidak akan mengganggui atau mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen tersebut setelah semua laporan ahklak perayu dibentangkan dan dipertimbangkan oleh Hakim Sesyen dalam mencapai perpadanan dan kewajaran hukuman tersebut dan setelah memberikan pertimbangan ke atas faktor-faktor umur dan mitigasi perayu-perayu. (perenggan 101 & 102)

Kes-kes yang dirujuk:

Arumugan Mutuhusamy v. PP [1998] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Aziz Muhamad Din v. PP [1997] 1 CLJ Supp 523 HC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chang Kim Song v. PP [1968] 1 MLJ 36 ***(dirujuk)***
Chiu Nang Hong v. PP [1965] 31 MLJ 40 ***(dirujuk)***
Din v. PP [1964] 1 LNS 33 FC ***(dirujuk)***
Emmanuel Yaw Teiku v. PP [2006] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Hairani Sulong v. PP [1993] 2 CLJ 79 HC ***(dirujuk)***
Lee Kwai Heong & Anor v. PP [2006] 1 CLJ 1043 CA ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Muhamat Yassin Majali v. PP (Criminal Appeal No. 42-21-2006 III) (Unreported) ***(dirujuk)***
Ong Poh Cheng v. PP [1998] 4 CLJ 1 CA ***(dirujuk)***
Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 SC ***(dirujuk)***
PP v. Basar [1965] 31 MLJ 75 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Tonik Mion & Anor [1997] 3 CLJ Supp 265 HC ***(dirujuk)***
Sharifuddin Zainuddin v. PP [1997] 1 LNS 303 HC ***(dirujuk)***
Vasan Singh v. PP [1989] 2 CLJ 402 SC ***(dirujuk)***

A **Perundangan yang dirujuk:**
Child Act 2001, s. 91(h)
Criminal Procedure Code, ss. 112, 402A
Evidence Act 1950, s. 119
Penal Code, s. 376

B **Sumber-sumber yang dirujuk:**
Bernard Knight, *Medical Jurisprudence and Toxicology*, 6th edn, 1990, ms 440
Moris Medical Jurisprudence, 21st edn, ms 374
Ratanlal, 24th edn, ms 1778

C *Bagi pihak perayu pertama, kedua dan ketiga - Guha; T/n Guha & Assoc*
Bagi pihak kelima - S Anthonysamy; T/n Aziz, Anthony & Co
Bagi pihak pendakwa raya/responden - TPR Uma Devi Loganathan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

D

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

E **[1]** Rayuan ini adalah dibuat oleh perayu pertama, kedua, ketiga dan kelima terhadap sabitan dan hukuman bagi kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan di mana pada 9 Disember 2008, Hakim Sesyen, Mahkamah Sesyen Butterworth telah menjatuhkan
F hukuman berikut ke atas setiap perayu:

Perayu Pertama	: 6 tahun penjara.
Perayu Kedua	: 5 tahun penjara mengikut s. 91(h) Akta Kanak-Kanak 2001.
G Perayu Ketiga	: 5 tahun penjara mengikut s. 91(h) Akta Kanak-Kanak 2001.
Perayu Keempat	: 8 tahun penjara dan dua sebatan.
H Perayu Kelima	: 6 tahun penjara.

[2] Semasa rayuan ini dipanggil untuk pendengaran, peguam yang bijaksana En. Guha yang mewakili perayu pertama (Saipuddin), perayu kedua (Zainal Fitri) dan perayu ketiga (Mohd
I Zamani) (beliau juga adalah peguam OKT4 semasa di mahkamah sesyen) telah memaklumkan kepada mahkamah ini bahawa penama

keempat (Mohd Nazihal) tidak membuat rayuan dan sedang menjalani hukuman yang dijatuhkan ke atasnya. Perayu kelima (Mohd Redzuan) pula diwakili oleh peguam En. S. Anthonysamy.

[3] Pertuduhan ke atas perayu-perayu (OKT) adalah seperti berikut:

Kes Tangkap No. 62-99-2005 (terhadap perayu pertama dan perayu kedua)

Pertuduhan Pindaan

Bahawa kamu bersama-sama tiga orang lagi yang telah dituduh dan beberapa orang lagi yang masih bebas pada 03hb Julai 2005, antara jam lebih kurang 11.00 malam hingga 04 Julai 2005 jam lebih kurang 4.30 pagi, di sebuah ladang kelapa sawit berhampiran lebuh raya Utara Selatan, Kampung Sungai Kecil, Nibung Tebal, dalam Daerah Seberang Perai Selatan, dalam Negeri Pulau Pinang secara bergilir-gilir telah merogol seorang perempuan Melayu nama "NABTA", KP: 891222-xx-xxxx umur 15 tahun 6 bulan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

(ms. 176 RR).

Kes Tangkap No. 62-112-2005 (terhadap perayu ketiga dan OKI keempat):

Pertuduhan Pindaan

Bahawa kamu bersama-sama tiga orang lagi yang telah dituduh dan beberapa orang lagi yang masih bebas pada 03hb Julai 2005, antara jam lebih kurang 11.00 malam hingga 04 Julai 2005 jam lebih kurang 4.30 pagi, di sebuah ladang kelapa sawit berhampiran lebuh raya Utara Selatan, Kampung Sungai Kecil, Nibung Tebal, dalam Daerah Seberang Perai Selatan, dalam Negeri Pulau Pinang secara bergilir-gilir telah merogol seorang perempuan Melayu nama "NABTA", KP: 891222-xx-xxxx umur 15 tahun 6 bulan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

(ms. 177 RR).

A Kes Tangkap No. 62-117-2005 (terhadap perayu kelima):

Pertuduhan Pindaan

Bahawa kamu bersama-sama empat orang lagi yang telah dituduh dan beberapa orang lagi yang masih bebas pada
B 03hb Julai 2005, antara jam lebih kurang 11.00 malam hingga 04 Julai 2005 jam lebih kurang 4.30 pagi, di sebuah ladang kelapa sawit berhampiran lebuh raya Utara Selatan, Kampung Sungai Kecil, Nibung Tebal, dalam Daerah Seberang Perai Selatan, dalam Negeri Pulau Pinang secara
C bergilir-gilir telah merogol seorang perempuan Melayu nama "NABTA", KP: 891222-xx-xxxx umur 15 tahun 6 bulan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

D (ms. 178 RR).

[4] Di atas permohonan pihak Timbalan Pendakwa Raya dan tidak dibantah oleh peguam-peguam yang mewakili perayu-perayu (OKT1 hingga OKT5 di mahkamah sesyen), ketiga-tiga pertuduhan
E tersebut telah dibenarkan dibicarakan secara perbicaraan bersama (joint trial) (ms. 12 dan 13 RR).

Kes pendakwaan

[5] Mangsa (SP5) adalah seorang kanak-kanak perempuan pekak
F dan bisu. Mangsa dilahirkan pada 22 Desember 1989 di Hospital Universiti, Kuala Lumpur. Mangsa telah berkeadaan begitu sejak dilahirkan. Bapa mangsa tidak diketahui identitinya. Sejak dilahirkan mangsa diambil sebagai anak angkat oleh ibu angkatnya iaitu SP10 yang bekerja sebagai operator kilang. Ibu mangsa adalah adik
G perempuan kepada bekas suami SP10. Terdapat seorang lagi adik lelaki mangsa yang juga pekak dan bisu juga diambil sebagai anak angkat oleh SP10 sejak lahir. Mangsa dan adik lelakinya diberi pendidikan sehingga darjah enam di sebuah sekolah kebangsaan biasa dengan pelajar-pelajar normal.

H

[6] Menurut SP10 setelah mangsa tamat darjah enam, SP10 telah memasukkan mangsa ke Sekolah Pendidikan Khas Tangung Bungah, Pulau Pinang dan mangsa tinggal di asrama sekolah. Adik lelaki mangsa juga dimasukkan ke sekolah yang sama apabila tamat
I darjah enam dan tinggal di asrama. Pada tahun 2005 mangsa adalah pelajar tingkatan tiga di sekolah itu. Setiap hujung minggu mangsa dan adik lelakinya dibenarkan pulang ke rumah ibu angkat

mangsa (SP10) yang tinggal di Bukit Mertajam. Pada petang Ahad mangsa perlu berada semula di asrama. Kebiasaannya mangsa akan menggunakan bas awam untuk pulang ke asrama.

[7] Pada hari malang tersebut iaitu Ahad bersamaan 3 Julai 2005 pada sebelah petang SP10 menghantar mangsa (SP5) dan rakan setingkatan yang sebaya umur mangsa yang juga seorang perempuan pekak dan bisu (SP7) ke pasaraya Summit, Bukit Mertajam bagi mangsa dan SP7 mengambil bas untuk pulang ke asrama. SP7 yang bertubuh kecil sedikit dari mangsa telah ikut mangsa pulang ke rumah mangsa pada hujung minggu itu bagi bermalam di rumah mangsa. Dari Bukit Mertajam mangsa dan SP7 mengambil bas pergi ke stesyen bas Butterworth sebelum meneruskan perjalanan pulang ke asrama di Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

[8] Mangsa (SP5) memberi keterangan secara bersumpah dengan menggunakan penterjemah bahasa isyarat iaitu Puan Tan Lee Bee yang didatangkan khas oleh mahkamah daripada Kuala Lumpur. Puan Tan Lee Bee telah mengangkat sumpah bagi tugasan penterjemahan tersebut. Kaedah keterangan mangsa adalah mematuhi s. 119 Akta Keterangan 1950 yang melibatkan saksi bisu.

[9] Menurut mangsa, di antara jam 6 hingga 7 petang ketika SP5 dan SP7 hadapan kaunter membeli tiket bas di stesyen bas Butterworth dan sedang berbual menggunakan bahasa isyarat, telah datang dua orang lelaki Melayu dan salah seorang lelaki itu telah memperkenalkan dirinya sebagai "Boy" (camkan sebagai OKT4). Oleh kerana SP5 seorang yang bisu maka OKT4 telah berkomunikasi dengan SP5 menggunakan telefon bimbit yang OKT4 pinjam dari kawannya (kenalpasti kemudian sebagai tertuduh kelima). Seorang lagi lelaki tersebut memperkenalkan dirinya sebagai "M" (dicamkan sebagai perayu ketiga OKT3). Melalui komunikasi secara menaip di telefon bimbit tersebut SP5 memberitahu OKT4 bahawa SP5 hendak balik ke asrama tetapi OKT4 meminta supaya SP5 jangan balik ke asrama. Ketika itu bas ke Parit Buntar hendak bertolak dan secara tiba-tiba perayu ketiga telah menolak jatuh SP7 manakala OKT4 pula menarik tangan SP5 naik ke dalam bas.

[10] Di dalam bas ke Parit Buntar itu, OKT4 telah mengarahkan SP5 duduk di atas lantai bas di bahagian hujung belakang bas. Di bahagian belakang bus terdapat tujuh lagi rakan OKT4 dan perayu ketiga. SP5 dipegang di bahagian bahunya semasa duduk di atas lantai oleh salah seorang daripada mereka yang duduk di atas

kerusi belakang. Ketika bas berlepas hari masih belum gelap dan keadaan cerah. Keadaan tersebut membolehkan SP5 berpeluang melihat OKT4, perayu ketiga (OKT3), perayu kelima (OKT5), perayu kedua (OKT2) dan perayu pertama (OKT1) dan empat lagi rakan mereka yang ada di bahagian belakang dalam bas tersebut. Perjalanan dari stesyen bas Butterworth ke pekan Parit Buntar mengambil masa kira-kira satu jam.

[11] Apabila bas tiba di pekan Parit Buntar, SP5 telah turun diikuti oleh OKT4, perayu pertama, kedua, ketiga dan kelima serta empat lagi lelaki yang berada di bahagian belakang bas tadi. Itu adalah kali pertama SP5 menjejakkan kaki di pekan Parit Buntar. Setelah semua sembilan lelaki itu turun dari bas, mereka telah pergi ke sebuah restoran yang berdekatan dengan hentian bas dan makan di situ. SP5 dibawa bersama ke restoran itu dan duduk bersama mereka. SP5 tidak makan.

[12] Selesai lelaki-lelaki tersebut makan, OKT4 telah mengambil sebuah motosikal dan menunggangnya membawa SP5 mengelilingi pekan Parit Buntar. Selepas berpusing-pusing di pekan Parit Buntar OKT4 kemudiannya singgah di rumah perayu pertama. OKT4 turun dari motosikal. SP5 juga turun tetapi menunggu ditepi motosikal. SP5 melihat OKT4 dan perayu pertama berbual-bual. Ketika itu jarak SP5 dan mereka adalah lebih kurang 11 kaki.

[13] OKT4 kemudiannya menunggang semula motosikal tersebut dan membawa SP5 berpusing-pusing sekali lagi pekan Parit Buntar. Selepas itu OKT4 membawa semula SP5 ke restoran yang sama. Di restoran itu OKT4 memberi segelas air 'Coke' kepada SP5 untuk diminum. Ketika itu SP5 melihat jam di restoran telah hampir 11 malam. Beberapa ketika selepas minum SP5 berasa kepalanya menjadi pening dan badan menjadi lemah. OKT4 membawa SP5 menaiki semula motosikal dan berpusing-pusing lagi dan kemudiannya berhenti di sebuah pondok talipon awam berdekatan 'BSN' dan membuat panggilan talipon dari pondok tersebut. OKT4 kemudiannya menunggang semula motosikal tersebut bersama SP5 dan menuju ke arah jalan susur berhampiran Lebuhraya Utara Selatan. Sedang dalam perjalanan itu SP5 dapat melihat terdapat empat buah motosikal lagi mengekori dari belakang. SP4 menyedari kehadirian empat buah motosikal yang mengekori motosikal OKT4 sejak berlepas dari pondok telefon. Kelima-lima motosikal telah pergi ke sebuah ladang. Sepanjang jalan menuju ke ladang tersebut, motosikal yang SP5 membonceng telah melalui satu flyover dan lepas itu berpusing ke kiri yang

terdapat pagar yang berpintu dan kesemua motosikal itu masuk melalui pintu tersebut dan akhirnya kesemua motosikal berhenti di dalam satu ladang kelapa sawit (ms. 32 baris A-B RR).

[14] Empat motosikal tersebut serta motosikal yang ditunggangi OKT4 diletakkan berderetan dengan bahagian hadapan menghala ke arah ladang. Kecuali motosikal yang diletakkan di tengah-tengah yang masih dinyalakan lampu, empat motosikal yang lain memadamkan lampu.

[15] SP5 kemudiannya melihat perayu kelima (OKT5) meletakkan satu hamparan plastik warna biru di atas tanah. Ketika itu perayu ketiga (OKT3) menghampiri SP5 dan telah papah SP5 dan meletakkan SP5 di atas hamparan plastik berwarna biru yang telah dihamparkan. Perayu ketiga memanggil semua lelaki-lelaki tersebut datang ke hamparan tersebut. Ketika itu lampu motosikal di tengah juga dipadamkan. Perayu ketiga dan semua mereka duduk sedikit di tepi atas hamparan plastik biru tersebut mengelilingi SP5.

[16] Ketika itu SP5 memakai pakaian tracksuit, atas warna pink dan track bottom warna biru dan bergarisan merah. SP5 juga memakai t-shirt di dalam. Perayu ketiga mula membuka semua pakaian SP5 sehingga SP5 terbogel dan membaringkan SP5 dan kaki SP5 dikangkangkan. Ketika yang sama kedua-dua belah tangan SP5 dipegang ditekan ke tanah oleh dua daripada lelaki tersebut. Kaki kiri dan kanan SP5 juga di pegang oleh dua lelaki lain. Perayu ketiga kemudian melondehkan hingga ke paras lutut seluar getah yang dipakainya dan berbaring di atas badan SP5 dan seterusnya memasukkan kemaluannya dengan kasar ke dalam kemaluan SP5. SP5 dapat merasakan kemaluan perayu ketiga memasuki kemaluannya dan SP5 berasa sakit. Selepas membuat beberapa henjutan, perayu ketiga menarik keluar kemaluannya dan melepaskan air mani atas perut SP5. Perayu ketiga ambil baju SP5 dan lap air mani di perut SP5. SP5 dengan pasti dapat mencamkan perayu ketiga tersebut kerana muka perayu ketiga berada di hadapan SP5 semasa merogol itu (ms. 34 baris A RR). Perayu ketiga adalah perogol pertama.

[17] Sebaik perayu ketiga selesai, OKT4 pula mengambil giliran merogol SP5. SP5 dapat merasakan kemaluan OKT4 memasukinya. Bezanya dari perayu ketiga, OKT4 mencium mulut SP5. Ketika itu SP5 dipegang kaki dan tangannya seperti keadaan semasa dirogol oleh perayu ketiga. OKT4 telah melepaskan air maninya ke atas paha kanan SP5 dan mengambil baju SP5 menlapkannya. OKT4 adalah perogol kedua.

[18] Sebaik selesai perlakuan rogol oleh OKT4 itu, perayu kelima (OKT5) mengambil gilirannya. SP5 dapat merasakan kemaluan perayu kelima memasuki kemaluannya. Keadaan SP5 semasa itu masih dipegang di kaki dan tangan oleh lelaki-lelaki yang ada di kelilingnya. SP5 berasa sakit dan lemah. Perayu kelima melepaskan air maninya di atas paha kiri SP5 dan mengambil baju SP5 menlapkannya. Perayu kelima adalah perogol ketiga.

[19] Selepas selesai perlakuan rogol oleh perayu kelima, SP5 direhatkan selama lebih kurang 30 minit. SP5 tidak tahu mengapa tetapi SP5 ketika itu berada di dalam kesakitan.

[20] Selepas direhatkan selama lebih kurang 30 minit itu, tiga lagi lelaki merogol SP5 secara bergilir-gilir. Ketiga-tiga lelaki tersebut masih bebas tidak berjaya dikesan. Mereka adalah perogol keempat, kelima dan keenam.

[21] Selepas selesai tiga lelaki yang masih bebas itu merogol SP5, perayu kedua pula mengambil gilirannya merogol SP5. Kedua-dua tangan dan kaki SP5 masih dipegang dan ditekan ke tanah sama seperti semasa perlakuan semua perogol terdahulunya. Perayu kedua melepaskan air maninya di atas paha sebelah kanan SP5. Perayu kedua adalah perogol ketujuh.

[22] Selesai perayu kedua merogol SP5, seorang lagi lelaki mengambil giliran merogol SP5. Lelaki ini juga tidak dapat dikesan. Lelaki tersebut adalah perogol kelapan.

[23] Setelah selesai perlakuan rogol oleh lelaki tersebut, tiba pula giliran perayu pertama sebagai perogol terakhir merogol SP5. Keadaan SP5 sama seperti semasa dirogol oleh lelaki-lelaki terdahulunya, dipegang di kedua belah kaki dan tangan. Perayu pertama melepaskan air maninya di atas paha sebelah kiri SP5. Perayu pertama adalah perogol kesembilan.

[24] Selesai perlakuan rogol oleh perayu pertama, perayu ketiga mengarahkan SP5 memakai pakaiannya semula. Perayu ketiga membantu memakaikan baju SP5. Seluar dipakai oleh SP5 sendiri.

[25] Selesai SP5 memakai pakaian, empat motosikal bersama penunggang dan pembonceng masing-masing meninggalkan SP5 dan perayu ketiga. Perayu ketiga telah pimpin SP5 ke motosikal dan membawa SP5 ke sebuah rumah di kawasan taman perumahan. SP5 telah dibawa masuk ke sebuah rumah oleh perayu ketiga melalui pintu belakang dan dibawa masuk ke sebuah bilik.

Di bilik itu perayu ketiga sekali lagi merogol SP5. Ketika itu lebih kurang jam 4.00 pagi hingga 5.00 pagi. Selepas itu SP5 dan perayu ketiga tidur di bilik itu dan SP5 tersedar setelah hari pagi.

[26] Kemudiannya OKT4 datang masuk ke bilik itu. Perayu ketiga masih tidur ketika itu di dalam bilik tersebut. Terdapat juga dua lagi orang lain di rumah itu. OKT4 telah memegang dan mengajak SP5 mandi bersamanya. Selesai mandi OKT4 keluar dari bilik mandi dan SP5 memakai bajunya di bilik mandi. Apabila SP5 masuk semula ke bilik, SP5 melihat kedua-dua OKT4 dan perayu ketiga sedang tidur di bilik itu.

[27] SP5 cuba membuka pintu tetapi dapatinya berkunci dari luar. SP5 terus berada di bilik rumah itu untuk beberapa jam. Pada jam antara 3 petang hingga 4 petang (4 Julai 2005), SP5 dapat melihat seperti bayang orang di luar pintu rumah. Apabila pintu dibuka dari luar, SP5 tanpa menoleh kiri kanan terus merempuh keluar dan lari daripada rumah tersebut. Tiada sesiapa yang dilihat mengejarnya.

[28] SP5 pergi ke sebuah kedai Cina dan dengan menggunakan kertas SP5 menulis meminta diberikan RM10. Dari situ SP5 telah menaiki bas No. 815 ke stesyen bas Butterworth dan dari Butterworth SP5 mengambil bas No. 60 pergi ke pasaraya Summit, Bukit Mertajam. Semasa di pasaraya Summit, SP5 telah terserempak dengan seorang saudara lelakinya iaitu anak saudara kepada SP10. Tidak berapa lama lepas itu SP10 tiba di pasaraya tersebut dan membawa balik SP5 ke rumah. Ketika itu hari telah malam.

[29] Menurut SP10 beliau telah datang mengambil SP5 dari pasaraya Summit setelah anak saudaranya bernama Zul menalipon memberitahu SP5 dilihat ada di pasaraya itu. SP10 rasa terkejut kerana menyangkakan SP5 telah pulang ke asrama.

[30] Setelah pulang ke rumah SP10 mengatakan keadaan SP5 tidak macam selalu. Apabila SP10 bertanya SP5 tidak jawab. SP5 dilihat murung sahaja tidak seperti biasa. Semasa sampai di rumah SP5 buang baju, mandi dan terus tidur. Hari berikutnya SP5 enggan pergi sekolah. Selang dua hari selepas itu SP10 menerima panggilan telefon dari guru Hal Ehwal Murid Sekolah Pendidikan Khas, Tanjung Bungah (SP9) bertanyakan mengapa SP5 tidak hadir ke sekolah dan SP10 meminta SP5 diberikan cuti seminggu. Dalam masa seminggu itu SP5 menemani SP10 kerja di kilang.

[31] Pada hari Isnin minggu berikutnya SP10 menghantar SP5 balik ke sekolah dengan menaiki motosikal. Setiba di sekolah SP10 bersama SP5 berjumpa SP9. SP9 bertanyakan kepada SP5 mengapa tidak hadir ke sekolah dengan menggunakan bahasa isyarat tetapi SP5 banyak menundukkan kepala. Setelah SP9 bertanya lanjut barulah SP5 memberitahu SP9 bahawa SP5 telah dibawa secara paksa oleh beberapa lelaki di stesyen bas Butterworth ke satu tempat yang SP5 tidak tahu. SP9 mengesyaki sesuatu yang buruk mungkin telah terjadi telah membuat isyarat tanda 'sign' samada SP5 dirogol dan SP5 menganggukkan kepala. SP9 memberitahu SP10 tentang apa yang diberitahu oleh SP5 itu. SP10 terharu dan sedih. SP10 kemudiannya membawa SP5 ke balai polis bagi membuat laporan ditemani oleh seorang guru sekolah tersebut bagi menterjemahkan bahasa isyarat SP5. Laporan polis dibuat oleh SP5 pada 13 Julai 2005 iaitu Nibong Tebal Repot 2244/2005 (P5).

[32] Pada 14 Julai 2005 jam 10.35 pagi Dr. Yuzainor Ahmad (SP6), Doktor Sakit Puan Hospital Seberang Jaya memeriksa SP5. Pemeriksaan mendapati terdapat koyakan pada hymen SP5 pada kedudukan jam 5 dan 9. Koyakan tersebut berkemungkinan akibat dari kemasukan 'penis' lelaki atau benda yang tumpul. SP6 menganggarkan koyakan tersebut berumur lebih dari 72 jam hingga satu minggu. Di bawah pemeriksaan balas, SP6 mengatakan koyakan tersebut mungkin boleh lebih daripada tiga minggu. Tiada kecederaan lain pada tubuh badan SP5. SP6 menyediakan laporan pemeriksaannya (eks. P6). Mahkamah ini mendapati tiada cabaran dibuat oleh pihak pembelaan ke atas SP5 bahawa SP5 pernah melakukan sex sebelum tarikh kejadian atau apa-apa perbuatan lain yang mungkin telah menyebabkan hymen tersebut terkoyak.

[33] SP7 dalam keterangannya (juga menggunakan bantuan penterjemah bahasa isyarat yang sama) mengatakan pada 1 Julai 2005 SP7 telah pergi ke rumah SP5 dan bermalam di sana. Pada jam 6 petang hari Ahad 3 Julai 2005 SP7 dan SP5 tiba di perhentian bas Butterworth sebelum meneruskan perjalanan pulang ke asrama. Di situ SP7 dan SP5 berbual-bual menggunakan bahasa isyarat. Di stesyen bas tersebut SP7 telah ditolak oleh perayu ketiga (OKT3) dan SP7 jatuh. Ketika itu SP5 dibawa oleh dua lelaki menaiki bus. SP7 berada di steyen tersebut hingga malam. SP7 kemudiannya dihantar pulang ke sekolah oleh anggota polis. SP7 tidak menceritakan kejadian di stesyen itu kepada anggota polis tersebut kerana tidak boleh memahami bahasa isyarat.

SP7 tidak memberitahu cikgu di sekolah kerana rasa malu. SP7 telah membuat pengecaman ke atas perayu ketiga semasa memberi keterangan di mahkamah sebagai lelaki yang telah menolaknya.

[34] SP9 adalah Penolong Pengarah Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Putrajaya. Pada tahun 2005, SP9 bertugas sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan, Tanjung Bungah yang menempatkan seramai 169 pelajar istimewa. Bagi pelajar yang tinggal jauh disediakan asrama. Pada 5 Julai 2005 setelah membuat semakan kehadiran murid, SP9 telah menalipon SP10 bertanyakan mengapa SP5 telah tidak hadir ke sekolah selama dua hari. Sebelum itu SP9 ada bertanyakan adik lelaki SP5 yang juga bersekolah di situ di mana SP5 tetapi adik lelaki SP5 mengatakan tidak tahu. Pada minggu berikutnya SP10 datang membawa SP5 ke sekolah dan berjumpa SP9. SP9 bertanyakan SP5 mengapa tidak hadir ke sekolah. SP5 dilihat berdiam dan nampak gelisah dan banyak menundukkan kepala dan nampak malu untuk bercerita. SP9 memujuk SP5 untuk berterus terang dan jangan malu atau takut. Melalui soalan yang SP9 tanyakan SP5 mengatakan pada hari Ahad semasa berada di stesyen bus Butterworth SP5 telah dibawa secara paksa oleh lebih seorang lelaki ke suatu tempat yang SP5 tidak tahu. SP9 mengesyaki sesuatu yang buruk telah berlaku. Apabila SP5 tidak mahu menceritakan SP9 membuat 'sign' samada SP5 telah dirogol dan SP5 menganggukkan kepalanya. SP5 masih dalam keadaan gelisah dan malu hendak bercerita. SP9 memberitahu perkara itu kepada SP10 dan jika SP10 hendak membuat laporan polis kerana perkara itu berlaku di luar sekolah.

[35] SP8 (Dr. Lai Fong Hwa) adalah pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja di Hospital Besar Pulau Pinang. Kepakaran SP8 adalah dalam bidang penilaian mental kanak-kanak dan remaja. Pada 18 Julai 2005 SP8 telah menemuduga SP5 bagi dibuat penilaian. SP8 telah berkomunikasi dengan SP5 secara menulis. Sebelum berjumpa SP5, SP8 berjumpa dahulu dengan SP10 untuk mengetahui latar belakang SP5. SP8 melihat SP5 kelihatan muram dan depressed. Setelah membuat penilaian ke atas SP5, SP8 mendapati SP5 punyai tahap intelek yang normal dan waras fikiran dalam memberi keterangan dan bukan berkhayal terhadap kejadian yang menimpanya.

[36] SP11 Insp. Rosmawati Wagiman adalah pegawai penyiasat yang mengambil alih kes siasatan daripada SP12 (ASP Zulkifli) yang bertukar ke Unit Udara Bukit Aman. Pada 12 Februari 2007 SP11

menghantar satu t-shirt berwarna merah jambu ke Jabatan Kimia Pulau Pinang. SP11 menjumpai t-shirt (P8) itu dari dalam almari pejabatnya. Pada 28 Februari 2007 SP11 menerima balik sampul surat berisi t-shirt tersebut bersama laporan kimia. Mengikut SP9 laporan kimia tidak kesan air mani di baju t-shirt itu (negatif).

[37] SP12 (ASP Zulkifli Ismail) adalah pegawai penyiasat asal kes pengaduan SP5 ini. Pada 14 Julai 2005 SP12 telah berjumpa mangsa yang ditemani oleh seorang gurunya yang menterjemahkan bahasa isyarat mangsa. Pada malam itu juga SP12 telah membawa mangsa dan juru gambar ke tempat kejadian tetapi tidak jadi mengambil gambar kerana cuaca gelap. Pada keesokan harinya SP12 sekali lagi membawa mangsa, guru mangsa (Cikgu Zarani Othman) serta juru gambar (SP1) ke tempat kejadian yang terletak di tepi jalan Lebuhraya Utara Selatan kira-kira 100 meter keluar dari sempadan ke negeri Perak. SP12 mengarahkan juruphoto (SP1) mengambil enam keping gambar tempat kejadian (P2 A-F) dengan petunjuk yang diberi oleh SP5. SP12 mengatakan ada menerima sehelai baju warna merah daripada SP10 pada hari kawad cam pertama diadakan ke atas saspek iaitu 19 Julai 2005 dan SP12 telah menyimpannya dalam almari tanpa menghantar ke Jabatan Kimia. SP12 mengatakan SP10 semasa menyerahkan baju tersebut ada mengatakan yang baju itu telah direndam sebelum diserahkan kepada SP12 pada 19 Julai 2005. Menjawab soal balas peguam, SP12 mengatakan walau pun tempat kejadian gelap diwaktu malam tetapi boleh lihat pada jarak 10 kaki (ms. 89 para F RR).

[38] Di atas keterangan yang terdapat itu, hakim sesyen mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan dan tertuduh-tertuduh dipanggil membela diri.

Pembelaan Diri Perayu-Perayu

[39] Perayu pertama, kedua, ketiga, OKT4 dan perayu kelima telah memberi keterangan secara bersumpah. Kesemua perayu-perayu menafikan ada merogol SP5. Perayu ketiga, kelima dan OKT4 tidak menafikan mereka ada pergi ke stesyen bus Butterworth dan SP1 ada mengikut mereka balik ke Parit Buntar di atas kemahuan SP5 sendiri kerana dikatakan SP5 lari dari rumah dan OKT4 berhasrat membantu SP5. Perayu pertama dan kedua selanjutnya menafikan ada pergi ke stesyen bas Butterworth pada hari Ahad tersebut dan mengatakan mereka bekerja.

[40] Perayu kedua telah membawa majikannya DW6 untuk menyokong keterangan perayu kedua bahawa perayu kedua bekerja dari jam 4.30 petang hingga 2.30 pagi dan oleh itu tidak berada di Butterworth dan tempat kejadian. Di bawah pemeriksaan balas TPR, saksi DW6 mengakui kedai makannya tidak dibuka pada hari Ahad dan oleh itu keterangan DW6 di mahkamah yang mengatakan perayu kedua bekerja pada hari kejadian (Ahad) telah disanggah dan disetujui oleh DW6 seperti mana dalam percakapan s. 112 Kanun Tatacara Jenayah yang diberikannya kepada pihak polis.

[41] DW7 adalah abang kepada perayu pertama yang mengatakan perayu pertama berada di rumah pada malam kejadian dan mereka berdua tidur setelah habis menonton bola di televisyen pada tengah malam iaitu jam 12. Apabila di periksa balas oleh TPR, DW7 mengakui tidak tahu jika perayu pertama keluar rumah selepas DW7 tidur.

[42] DW8 pula adalah rakan perayu ketiga yang memberi keterangan bagi menyokong pembelaan perayu ketiga bahawa perayu ada bersamanya dan tidak pergi ke tempat kejadian. Menggunapakai kes *Vasan Singh v. PP* [1989] 2 CLJ 402, hakim sesyen telah menolak keterangan DW8 sebagai saksi alibi kerana tiada notis di bawah s. 402A Kanun Tatacara Jenayah diberikan bagi pembelaan alibi tersebut (ms. 172 RR).

Keputusan Hakim Sesyen Di Akhir Kes Pembelaan

[43] Hakim sesyen telah membincangkan keterangan pembelaan setiap perayu dan OKT4 dan membuat penilaian ke atas pembelaan perayu-perayu secara individu berdasarkan keterangan perayu, saksi alibi perayu dan keterangan yang ada di antara perayu (OKT-OKT) tersebut. Pembelaan perayu yang dibutirkan dan diulas oleh hakim sesyen dapat di lihat di ms. 169 hingga 173 rekod rayuan. Kesimpulannya hakim sesyen memutuskan pembelaan perayu-perayu dan OKT4 gagal menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan (ms. 173-174 RR).

Isu-Isu rayuan

[44] Di hadapan mahkamah ini En. S. Anthonysamy peguam bijaksana yang mewakili perayu kelima telah membentangkan hujahan bertulisnya disamping hujahan secara lisan. Hujahan beliau diterima pakai sepenuhnya oleh En. Guha peguam bijaksana yang mewakili perayu pertama, kedua dan ketiga.

[45] Isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu kelima, ialah:

(a) Hakim sesyen dalam penghakiman bertulisnya hanya menghasilkan semula keterangan saksi-saksi pendakwaan tanpa membuat analisa atau menilai testimoni-testimoni saksi sebelum memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie*.

(b) Hakim sesyen telah tidak menilai keperluan keterangan sokongan dan telah tidak memberi amaran kepada dirinya sendiri apabila menerima keterangan pendakwaan tanpa keterangan sokongan.

(c) Pengecaman ke atas perayu-perayu yang dibuat oleh SP5 semasa kawad cam adalah cacat disebabkan SP5 telah mengakui melihat perayu di balai polis tersebut sebelum kawad cam diadakan.

(d) Terdapat keraguan di atas pengecaman oleh SP5 ke atas perayu-perayu (OKT-OKT) disebabkan cuaca malam yang gelap di tempat kejadian dan SP5 berada dalam keadaan 'pening dan lemah' pada kejadian rogol yang dikatakan berlaku secara bergilir-gilir.

(e) Pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan telah gagal ditimbangkan oleh hakim sesyen.

[46] Mahkamah ini akan melihat isu-isu yang dibangkitkan itu:

(a) Adakah hakim sesyen memutuskan terdapatnya kes *prima facie* tanpa membuat analisa atau penilaian ke atas keterangan saksi-saksi pendakwaan menjadikan penghakimannya sebagai 'not convey a speaking judgment'?

[47] Peguam bijaksana yang mewakili perayu kelima menghujahkan berdasarkan kepada alasan penghakiman hakim sesyen, beliau hanya menghasilkan semula testimoni-testimoni saksi dan tidak membuat analisa atau menilai keterangan saksi-saksi pendakwaan dan menerimanya tanpa sebarang soalan sedangkan terdapat fakta-fakta yang meragukan yang perlu dipertimbangkan. Peguam merujuk kepada kes *Ganapathy Rengasamy v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 1 bagi menyokong hujahnya. Peguam juga menghujahkan laporan polis oleh SP5 menyebutkan terdapat sembilan lelaki datang kepadanya di stesyen bas Butterworth sedangkan dalam keterangannnya hanya dua lelaki sahaja yang menghampirinya.

Peguam juga menghujahkan dalam laporan polis SP5 tidak mengatakan ada dirogol kali kedua sedangkan dalam laporan polis (P5) SP5 tidak menyatakan itu. A

[48] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan bahawa laporan polis SP5 bukanlah keterangan yang bersifat substantif dan oleh itu sebarang ketinggalan yang terdapat di dalamnya tidak mencacatkan keterangan SP5 yang telah menjelaskannya semasa memberi keterangan. SP5 mengatakan P5 dibuat dengan bantuan gurunya yang menterjemahkan bahasa isyarat dan pengataan sembilan lelaki datang kepadanya adalah dibuat oleh guru tersebut yang SP5 katakan sebagai tidak betul. Walau pun begitu SP5 ada menyebutkan dalam laporannya bahawa SP5 ada dibawa ke kedai makan oleh sembilan lelaki dan sembilan lelaki tersebut kemudian merogolnya. TPR merujuk kepada kes *Lee Kwai Heong & Anor v. PP* [2006] 1 CLJ 1043 dan *Hairani Sulong v. Public Prosecutor* [1993] 2 CLJ 79 bagi menyokong hujahnya dalam isu status maklumat pertama (FIR) dan menghujahkan ianya tidak membentuk keterangan yang substantif. B C D

[49] Mahkamah ini melihat dan meneliti apakah pertimbangan yang telah diberikan oleh hakim sesyen dalam menilai atau tidak keterangan saksi-saksi pendakwaan dan cabaran pembelaan sebelum mencapai keputusannya. E

[50] Hakim sesyen telah menurunkan keterangan SP5 (mangsa) semasa pemeriksaan utama yang memberikan latar belakang kejadian daripada masa SP5 dan SP7 berada di pasaraya Summit, Bukit Mertajam dan tiba di Stesyen Bas Butterworth dan kejadian yang berlaku di steyen bas Butterworth sehingga SP5 di bawa ke Parit Buntar dan seterusnya ke tempat kejadian di mana berlakunya kejadian rogol oleh perayu pertama, kedua, ketiga, OKT4 dan perayu kelima ke atas SP5 serta empat orang yang lain. Hakim sesyen juga menyentuh perlakuan SP5 selepas dapat melepaskan diri hingga kejadian diberitahu kepada SP9 dan laporan polis dibuat oleh mangsa (SP5). Keterangan yang diberikan oleh SP5 tersebut diturunkan oleh hakim sesyen seperti yang dapat dilihat di ms. 163 hingga 165 RR. Hakim sesyen tidak menurunkan keterangan terperinci perlakuan rogol yang berlaku di dalam penghakimannya kerana mengatakan keterangan tersebut telah diberikan oleh SP5 secara terperinci dalam perbicaraan 'in camera' bagaimana sembilan lelaki tersebut telah merogolnya satu persatu secara bergilir-gilir. Yang demikian, mahkamah ini telah merujuk dan meniliti sendiri keterangan SP5 tentang butiran terperinci F G H I

kejadian rogol tersebut yang diceritakan oleh SP5 seperti yang terdapat di ms. 23 hingga 28 RR, dan ms. 30 hingga 38 RR. Seterusnya SP5 menyambung keterangan di bawah pemeriksaan utama seperti yang dapat dilihat dims. 40 RR. Pemeriksaan balas oleh peguam-peguam ke atas SP5 adalah seperti di ms. 40 hingga 62 RR. Pihak pendakwaan kemudian memanggil semula SP5 bagi keterangan lanjut dengan kebenaran mahkamah berkaitan pakaian yang dipakai oleh SP5 pada hari kejadian dan pemeriksaan balas oleh peguam ke atas SP5 seperti yang dapat dilihat di ms. 67 hingga 69 RR.

[51] Mahkamah ini telah menurunkan keterangan SP5 berkaitan butiran perlakuan rogol yang terjadi ke atasnya bagi membolehkan keterangan SP5 tentang kejadian rogol tersebut difahami dan dizahirkan dalam penghakiman mahkamah ini seperti yang mahkamah ini butirkan di perenggan [15] hingga [24] di atas.

[52] Hakim sesyen juga berpuas hati bahawa umur SP5 telah dibuktikan melalui sijil lahir asal (P4) dan keterangan SP10 dan berpuas hati SP5 adalah perempuan di bawah umur. Oleh kerana mangsa (SP5) adalah perempuan di bawah umur, maka itu elemen kerelaan (consent) SP5 tidak menjadi material bagi pertuduhan kes ini.

[53] Hakim sesyen kemudiannya mendapati keterangan SP5 tentang apa yang berlaku di stesyen bas Butterworth disokong oleh keterangan SP7. Hakim sesyen juga melihat kepada keterangan SP6 (Dr. Yuzainor Ahmad) yang mengesahkan terdapatnya kesan koyakan di kemaluan SP5 pada kedudukan jam 5 dan 9. Hakim sesyen memberi perhatian kepada keterangan SP6 tersebut bahawa kesan koyakan itu berlaku lebih daripada 72 jam disebabkan mangsa hanya diperiksa selepas 10 hari dari tarikh kejadian. Hakim sesyen memutuskan keterangan SP5 adalah konsisten dengan keterangan SP6 serta laporan pemeriksaan SP6 (P6).

[54] Hakim sesyen seterusnya mengatakan walau pun SP5 diasak dengan bertubi-tubi oleh peguam-peguam semasa pemeriksaan balas, tetapi mendapati keterangan SP5 masih tidak goyah dan malah tidak tercabar. Beliau mengatakan sedemikian disebabkan SP5 telah berupaya memberikan keterangan secara terperinci bagaimana beliau dirogol oleh sembilan perogolnya dan bagaimana SP5 telah dapat membezakan dan mengingati dan mencamkan setiap perlakuan perogol dan identiti perogolnya (ms. 163-164 dan 168-169 RR).

[55] Mahkamah ini telah melihat kepada keterangan SP5 yang berkaitan latar belakang kejadian dan tentang kejadian dan penjelasan SP5 mengapa tidak menceritakan kejadian sebaik selepas kejadian. Mahkamah ini juga telah melihat keterangan saksi-saksi yang memberi keterangan tentang perlakuan dan sikap SP5 selepas kejadian itu.

[56] Di atas nilaian dan dapatan yang dizahirkan oleh hakim sesyen itu, mahkamah ini berpendapat hakim sesyen telah membuat dapatan fakta ke atas keterangan dan kredibiliti SP5 setelah menilai dan menguji keterangan SP5 dengan keterangan-keterangan lain yang ada, keterangan SP5 yang tidak goyah walau pun menghadapi pemeriksaan balas yang bertubi-tubi daripada peguam-peguam OKT. Mahkamah ini berpendapat jumpaan fakta tersebut adalah betul dan tidak bertentangan dengan keterangan yang ada. Mahkamah ini juga akan membuat jumpaan yang sama seperti yang diputuskan oleh hakim sesyen itu.

[57] Dalam memanggil pembelaan perayu-perayu, hakim sesyen juga telah mengingati dirinya dengan memetik dan mengambil paduan daripada kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 dan *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597 (ms. 165 - 168 RR) yang memerlukan penilaian maksima dilaksanakan ke atas kes pendakwaan di akhir kes pendakwaan dalam menentukan jika kes *prima facie* berjaya dibuktikan.

[58] Oleh yang demikian mahkamah ini berpendapat hakim sesyen tidak tersalah arah dalam memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie*. Keputusan tersebut bukanlah dibuat secara mekanikal sahaja. Oleh itu hujahan peguam yang bijaksana tidak mempunyai merit. Mahkamah ini akan menghuraikan lebih lanjut ke atas setiap keterangan yang ada yang telah dibentangkan di hadapan hakim sesyen tersebut.

(b) Adakah hakim sesyen memutuskan terdapat kes *prima facie* tanpa kewujudan keterangan sokong dan gagal memberi amaran ke atas dirinya apabila bertindak di atas keterangan SP5 semata-mata?

[59] Peguam yang bijaksana menghujahkan tiada keterangan sokongan yang bebas yang telah menyokong keterangan SP5. Peguam menghujahkan keterangan SP6 tidak boleh menjadi keterangan sokongan kerana koyakan di kemaluan SP5 adalah koyakan lama, yang mengikut SP6 boleh jadi berlaku sehingga

melebihi tempoh tiga minggu (ms. 66 RR). Peguam juga menghujahkan baju t-shirt P8 tidak punyai kesan air mani dan ini mencacatkan kredibiliti SP5. Juga hamparan plastik biru tidak disiasat dan dirampas oleh pegawai penyiasat. Peguam juga menghujahkan keterangan seorang Cina iaitu pekedai di mana SP5 meminta RM10 tidak dibawa. Begitu juga keterangan dua orang yang terdapat dalam rumah yang SP5 dibawa selepas kejadian rogol di ladang tidak dibawa oleh pihak pendakwaan. Peguam juga menghujahkan perlakuan SP5 yang tidak membuat laporan atau menceritakan kejadian tersebut selepas sahaja kejadian walaupun punyai kesempatan telah mendatangkan keraguan ke atas keterangan SP5 tentang kejadian yang menimpanya. Peguam juga mengatakan jika benar SP5 dirogol bergilir-gilir oleh sembilan perogol maka sudah tentu berlaku luka dan pendarahan yang serius ke atas SP5 sedangkan SPG mengatakan tiada apa-apa kecederaan dikesan pada badan SP5 kecuali koyakan lama pada kedudukan jam 5 dan 9.

[60] Peguam yang bijaksana merujuk kepada kes *Aziz Muhamad Din v. Public Prosecutor* [1997] 1 CLJ Supp 523 dan *Pang Chee Meng v. Public Prosecutor* [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 bagi menyokong hujahannya terhadap keperluan keterangan sokongan dan kehilangan peluang tertuduh terhadap keterangan yang tidak disiasat oleh pihak polls. Peguam juga mengambil petikan daripada *Moris Medical Jurisprudence* (21st edn) ms. 374; *Medical Jurisprudence and Toxicology* by Bernard Knight (6th edn) 1990 di ms 440 dan *Ratanlal* (24th edn) at ms. 1778 yang menyatakan keperluan hakim bicara untuk melihat keadaan mangsa dengan teliti apabila pemeriksaan perubatan tidak mendapati apa-apa kecederaan ke atas mangsa dan koyakan hymen yang lama dan tugas pembuktian adalah sepenuhnya terletak ke atas pendakwaan. Peguam juga merujuk kepada kes *Chiu Nang Hong v. Public Prosecutor* [1965] 31 MLJ 40 yang mengatakan hakim bicara hendaklah menzahirkan dengan nyata apakah keterangan yang terdapat dalam fikirannya dalam mensabitkan tertuduh.

[61] Peguam En. Guha pula dalam hujahannya mengatakan keterangan SP5 tentang rogol tidak disokong oleh keterangan SP7. Peguam juga menghujahkan keadaan SP5 yang dikatakan 'depressed' dan muram boleh jadi juga disebabkan oleh perkara lain dan oleh itu keterangan SP8 tidak boleh membentuk keterangan sokongan. Peguam selanjutnya menghujahkan keterangan SP9 tidak boleh membentuk keterangan sokongan kerana SP5 tidak memberitahu SP9 bahawa dia telah dirogol tetapi hal rogol tersebut hanya diberitahu oleh SP5 setelah dibuat 'sign' oleh SP9. Peguam

juga menghujahkan tiada motosikal yang digunakan oleh lelaki terlibat dirampas. Peguam juga menggunapakai hujahan oleh peguam En. Anthonysamy dalam isu ini.

[62] TPR yang bijaksana menghujah balas dengan merujuk kepada kes *Muhamat Yassin bin Majali v. PP* (Criminal Appeal No. 42-21-2006 III - In the High Court Sabah and Sarawak) iaitu penghakiman oleh David Wong J. yang telah merujuk kepada kes *Aziz Muhamad Din v. PP (supra)* dan *Din v. PP* [1964] 1 LNS 33; [1964] MLJ 300 dan mengatakan koyakan lama pada hymen tidak bermakna tidak ada berlakunya hubungan sex dalam tempoh 12 jam yang lepas. Dalam kes di hadapan mahkamah ini, TPR menghujahkan koyakan lama pada hymen SP5 pada kedudukan jam 5 dan 9 adalah bagi tempoh melebihi 72 jam dan boleh jadi dalam tempoh satu minggu. Ianya adalah selari dengan keterangan SP5 dan SP6 yang memeriksa SP5 hanya selepas 10 hari dari tarikh kejadian.

[63] Seperti yang mahkamah ini telah nyatakan di atas, hakim sesyen telah menerima keterangan SP5. Hakim sesyen telah memberikan alasannya mengapa beliau menerima keterangan SP5. Hakim sesyen juga telah merujuk kepada keterangan SP7 dan SP6 secara nyata dalam penghakimannya. Dalam hal keterangan SP5 tentang peristiwa yang berlaku di stesyen bas Butterworth, hakim sesyen memutuskan keterangan SP5 tersebut disokong oleh SP7. Dalam hal rogol yang berlaku, hakim sesyen memutuskan koyakan di kemaluan SP5 adalah konsisten dengan keterangan SP6.

[64] Berdasarkan kepada penghakiman hakim sesyen dalam memutuskan terdapatnya keterangan kes *prima facie*, mahkamah ini mendapati hakim sesyen tidak bersandarkan sepenuhnya kepada keterangan SP5 dalam membuat keputusan. Hakim sesyen telah juga melihat dan memutuskan keterangan SP5 disokong oleh SP7 dalam hal kejadian di stesyen bas Butterworth dan keterangan SP5 konsisten dengan pemeriksaan dan keterangan SP6. Pun perlu diingati bahawa dalam kes-kes berkaitan kesalahan sexual, keterangan sokongan adalah dititikberatkan sebagai satu amalan yang prudent dan bukannya menjadi satu keperluan wajib undang-undang. SP5 telah memberi keterangan secara bersumpah dan dengan itu hakim sesyen boleh membuat dapatannya terhadap kredibiliti keterangan SP5 dan kredibiliti SP5 itu sendiri samada boleh disandarkan sepenuhnya atau memerlukan keterangan sokongan terhadap sesuatu fakta yang dipernyatakan. Dapatan hakim bicara ke atas kredibiliti saksi adalah dapatan fakta dan mahkamah di peringkat rayuan tidak boleh mengubah dapatan

tersebut dengan dapatannya sendiri kecuali ditunjukkan bahawa dapatan tersebut sangat bertentangan sama sekali dengan fakta dan keterangan yang terdapat dan telah menyebabkan berlakunya salah keadilan.

[65] Walau pun hakim sesyen tidak membentangkan dengan panjang lebar terhadap setiap keterangan yang terdapat dalam kes pendakwaan, mahkamah ini berpendapat ianya tidak mencacatkan dapatan hakim sesyen terhadapnya yang telah melihat tingkah laku dan mendengar sendiri saksi-saksi memberi keterangan dan menilai keterangan tersebut yang ada dihadapannya yang telah diuji dengan pemeriksaan balas peguam-peguam. Oleh yang demikian tidak timbul isu kegagalan hakim sesyen memberi amaran kepada dirinya sendiri kerana hakim sesyen tidak mengambil keterangan SP5 semata-mata dalam membuat keputusan *prima facie* tersebut.

[66] Dalam kes *Chiu Nang Hong v. Public Prosecutor (supra)* yang dirujuk oleh peguam perayu, pengadu di dalam kes tersebut berumur 28 tahun dan telah berkahwin dan punyai tiga anak. Di antara isu yang diputuskan dalam kes tersebut ialah sama ada terdapat kerelaan (consent) di antara pengadu dan tertuduh terhadap hubungan sex yang berlaku. Majlis Privy telah melihat kepada perlakuan pengadu sebelum dan selepas kejadian tersebut dalam menilai samada terdapatnya kerelaan pengadu dan mendapati keadaan kes yang ada konsisten dengan cerita tertuduh bahawa kejadian sex tersebut bukanlah merupakan perbuatan rogol. Berbeza dengan kes di hadapan mahkamah ini SP5 berumur 15 tahun 6 bulan semasa kejadian dan seorang yang bisu dan pekak dan datang dari latar belakang keluarga yang kurang berpengetahuan dan pendidikan. Maka itu perlakuan perayu selepas kejadian boleh difahami dalam konteks budaya masyarakat tempatan lebih-lebih lagi SP5 adalah kanak-kanak istimewa yang mengalami kurang upaya mendengar dan berkata-kata secara lisan. Pemerhatian saksi-saksi yang telah memberi keterangan terhadap perlakuan dan sikap SP5 selepas kejadian tersebut ie, keterangan SP10, SP9 dan SP8 dan penjelasan yang diberikan oleh SP5 adalah munasabah untuk diterima dan diberikan nilai berat di atas kelewatan memberitahu kejadian tersebut dan bukanlah sesuatu yang 'inherently incredible'.

[67] Dalam kes *Public Prosecutor v. Mohd Tonik Mion & Anor* [1997] 3 CLJ Supp 265, KN Segara J. (ketika itu) telah membincangkan hujahan perayu-perayu yang mengatakan hakim sesyen telah khilaf apabila mensabitkan mereka berdasarkan keterangan mangsa (SP7) yang tidak disokong dan kegagalan hakim

sesyen memberi amaran kepada dirinya apabila mensabitkan perayu-perayu berdasarkan keterangan SP7 yang tidak disokong. YA Hakim tidak bersetuju dengan hujahan tersebut dan mendapati hakim sesyen telah menimbangkan keterangan sokongan dan berdasarkan kepada keterangan yang ada memang terdapat keterangan sokongan. YA Hakim seterusnya mengatakan jika pun tiada amaran diberi oleh hakim sesyen ianya tidak menjadi alasan untuk mengenepikan sabitan, kerana tiada 'miscarriage of justice', setelah diteliti keterangan yang ada di dalam rekod rayuan.

[68] Mahkamah ini juga memberi perhatian kepada keterangan SP5, SP10, SP11 dan SP12 tentang baju berwarna merah jambu yang mengikut laporan kimia tiada kesan air mani. Walau pun terdapat ketidakpastian bagaimana dan di mana baju itu dikutip oleh SP10 sebelum diserahkan kepada SP12, tetapi keterangan SP12 telah mengatakan bahawa SP10 telah merendam baju itu sebelum diserahkan kepada SP12 pada hari pertama kawad cam diadakan (19 Julai 2005). Faktanya pengataan itu ada didengar oleh SP12 dan SP12 tidak diperiksa lanjut oleh peguambela terhadap keterangannya itu. SP10 pula mengatakan selepas SP5 dibawa pulang olehnya dari pasaraya Summit, SP5 telah mencampakkan baju yang dipakainya. Malangnya baju itu gagal dihantar ke jabatan kimia dengan segera oleh SP12 sehingga SP12 bertukar stesyen bertugas dan hanya setelah kes bermula SP11 yang mengambil alih kes menghantarkannya kepada Jabatan Kimia dan menerimanya kembali pada 28 Februari 2007.

[69] Mahkamah ini berpendapat P8 yang tidak mempunyai kesan air mani tidak menggugat kes pendakwaan di atas faktor yang disebutkan itu. Terdapat penjelasan tentang kedudukan P8 tersebut dan SP5 juga telah mencamkan baju itu sebagai baju yang dipakainya pada hari kejadian. Mahkamah ini percaya hakim sesyen juga telah menimbangkan isu ini, kecuali ianya tidak dizahirkan di dalam penghakiman beliau. Walau pun begitu, seperti yang dikatakan, ianya tidak mencacatkan kes pendakwaan dan kredibiliti SP5 yang telah diterima oleh hakim sesyen dalam membentuk kes *prima facie*.

(c) Adakah kawad cam cacat?

[70] Peguam menghujahkan terdapat kecacatan dalam kawad cam yang dihadiri oleh SP5 di mana SP5 telah dapat melihat perayu-perayu terlebih dahulu semasa di balai polis sebelum kawad cam diadakan. Peguam merujuk kepada kes *Chang Kim Song v. Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36 bagi menyokong hujahnya.

[71] Mengikut rekod rayuan, TPR yang mengendalikan kes pendakwaan di mahkamah seysen telah menyatakan konsesi bersetuju bahawa kawad cam sebagai cacat dan kerana itulah pihak pendakwaan tidak memanggil saksi-saksi dalam pengendalian dan pembuktian kawad cam. Di hadapan mahkamah ini TPR yang berlainan yang mengendalikan rayuan ini juga bersetuju kawad cam tersebut cacat dan tidak mempunyai nilai yang credible kerana SP5 telah berkesempatan melihat perayu-perayu di balai yang sama sebelum kawad cam diadakan. Walau bagaimana pun kedua-dua TPR, iaitu di mahkamah sesyen dan di hadapan mahkamah ini menghujahkan bahawa pengecaman SP5 ke atas OKT-OKT telah dibuat di dalam mahkamah (dock identification) dan kaedah tersebut dibenarkan dan diterima oleh mahkamah dan ianya membentuk keterangan substantif.

[72] TPR yang mengendalikan kes semasa di mahkamah sesyen telah merujuk kepada kes *Sharifuddin bin Zainuddin v. PP* [1997] 1 LNS 303; *Ong Poh Cheng v. PP* [1998] 4 CLJ 1 dan *Arumugam Muthusamy v. PP* [1998] 3 CLJ 597 dalam menyokong hujahnya berkaitan kaedah 'dock identification' semasa penghujahan di hadapan hakim sesyen. Walau bagaimana pun penghakiman hakim sesyen tidak membuat apa-apa rujukan kepada panduan-panduan yang terdapat di dalam kedua-dua kes tersebut. Mahkamah ini akan melihat dan membincangkan lebih lanjut dalam isu ini di penghakiman mahkamah ini nanti.

[73] Berbalik semula tentang isu kawad cam. Mahkamah ini telah meneliti penghakiman hakim sesyen di ms. 161 hingga 165 Rekod Rayuan. Mahkamah ini dapati tidak pada mana-mana bahagian penghakimannya hakim sesyen merujuk kepada pengecaman kawad cam. Keputusan hakim sesyen di akhir kes pendakwaan (ms. 94 RR) dan keputusan di akhir kes pembelaan (ms. 156-157 RR) juga tidak merujuk kepada pengecaman kawad cam sebagai keterangan yang telah diambil kira oleh hakim sesyen.

[74] Oleh yang demikian mahkamah ini berpendapat hujahan peguam yang bijaksana tentang kawad cam yang cacat adalah tidak mempunyai merit dalam keputusan hakim sesyen kerana hakim sesyen tidak menggunakan keterangan kawad cam dalam mencapai keputusannya. Oleh itu tiada apa-apa prejudis atau kegagalan keadilan terhadap perayu-perayu telah berlaku di dalam perkara ini.

(d) Adakah SP5 telah dapat membuat pengecaman ke atas OKT-OKT?

[75] Pihak-pihak telah menghujahkan dengan panjang lebar atas isu pengecaman oleh SP5 ke atas perayu-perayu. Peguam menghujahkan berdasarkan keterangan SP5 bahawa selepas diberi minuman di restoran SP5 berasa pening dan lemah telah menyebabkan fikiran dan pandangan SP5 tidak berkeupayaan dalam mencamkan perogol-perogolnya. Peguam juga menghujahkan dengan keadaan cahaya yang gelap di dalam ladang kelapa sawit tersebut maka keupayaan SP5 untuk mencamkan perogolnya adalah meragukan. Peguam juga mengatakan adalah meragukan untuk keterangan SP5 diterima tentang empat motorsikal yang mengikuti SP5 dan OKT4 semasa masuk ke ladang yang pada ketika itu telah lebih jam 11.00 malam dan gelap dan motosikal memadamkan lampu. Peguam juga mengatakan semasa kejadian rogol yang dikatakan oleh SP5 dilakukan oleh sembilan orang, adalah meragukan SP5 boleh mencamkan setiap perogolnya yang berada di bawah bahagian perut SP5 semasa merogolnya. Bagi perayu pertama dan kedua pula dikatakan tidak berada langsung di stesyen bas Butterworth dan tempat kejadian pada tarikh tersebut. Bagi perayu kelima pula dikatakan tidak ada pergi ke tempat kejadian. Dihujahkan juga adalah meragukan untuk SP5 dapat mengingati setiap pakaian yang dipakai oleh perayu-perayu dan orang-orang yang merogolnya.

[76] SP5 dalam keterangannya mengatakan dapat mencamkan perayu pertama, perayu kedua, perayu ketiga, OKT4 dan perayu kelima sebagai di antara orang yang merogolnya. SP5 mengatakan dapat mencamkan mereka yang mana jarak penglihatan SP5 dan perogol-perogol adalah satu kaki dan muka perogol berada dihadapannya semasa merogolnya. SP5 dapat melihat dan mengingati pakaian yang dipakai setiap perogol-perogolnya dan bagaimana mereka membuka seluar yang dipakai masing-masing sebelum merogol SP5. SP5 dapat mengingatkan di mana setiap perogol melepaskan air mani mereka sebaik mengeluarkan kemaluan mereka dari kemaluan SP5. SP12 (pegawai penyiasat) semasa disoal balas oleh peguam mengatakan walau pun tempat tersebut gelap tetapi masih boleh melihat dalam jarak 10 kaki. Perlu juga diingati semua lelaki tersebut duduk mengelilingi SP5 semasa kejadian. Terdapat juga jangka masa 30 minit rehat setelah perogol ketiga (perayu kelima) merogol SP5. Semua lelaki tersebut berada bersama SP5 dari mula tiba di ladang itu kira-kira jam 11.00 malam sehingga jam 4 pagi sebelum SP5 dibawa oleh perayu ketiga pergi ke sebuah rumah. SP5 tidak ditutup matanya sepanjang kejadian tersebut dan perayu-perayu juga tidak memakai apa-apa pelindung muka.

[77] SP5 juga mencamkah perayu ketiga (OKT3) sebagai orang yang menolak SP7 dan perayu ketiga masa itu bersama OKT4 semasa menghampiri SP5 dan SP7 di stesyen bas Butterworth. SP5 mengatakan OKT4 sebagai orang yang menarik SP5 naik ke atas bas dan mengarahkan SP5 duduk di atas lantai bas di bahagian belakang. Perjalanan ke Parit Buntar mengambil masa lebih kurang satu jam dan hari masih agak cerah SP5 dapat melihat kesembilan lelaki-lelaki yang terdapat di bahagian belakang bas. Apabila bas tiba di pekan Parit Buntar kesemua mereka turun dari bas dan membawa SP5 ke restoran berdekatan dan makan di situ. SP5 tidak makan dan ini secara logiknya membolehkan SP5 ada lebih masa melihat disekelilingnya dan mereka yang berada dengannya. Tiada cabaran bahawa SP5 mempunyai masalah penglihatan. Mereka kemudiannya beredar dari restoran itu. OKT4 selepas itu membawa SP5 berpusing-pusing di pekan Parit Buntar dan selepas itu singgah di rumah perayu pertama. SP5 melihat perayu pertama dan OKT4 bercakap-cakap. Selepas itu OKT4 membawa semula SP5 pusing sekali lagi pekan Parit Buntar dan seterusnya ke restoran yang sama. Semasa di restoran itu OKT4 memberi SP5 minuman coke di dalam gelas yang dibawa oleh OKT4. Seketika selepas minum air Coke itu, SP5 rasa pening dan lemah tetapi masih sedar. OKT4 membawa SP5 menaiki semula motosikal dan berhenti di sebuah pondok telefon berdekatan 'BSN'. SP5 melihat OKT4 membuat panggilan telefon di pondok itu. Selepas itu OKT4 membawa SP5 ke arah jalan susur lebuhraya Utara Selatan dan seterusnnya menuju ke ladang kelapa sawit. Di ketika perjalanan itu SP5 melihat terdapat empat buah lagi motosikal mengekori motosikal OKT4 tersebut hingga masuk ke ladang kelapa sawit. Kesemua motosikal berhenti diletakkan secara berderet di ladang tempat kejadian. Motosikal yang ditengah-tengah masih terpasang lampu. SP5 melihat perayu kelima membentang hamparan plastik berwarna biru di atas tanah. Perayu ketiga pula datang dan papah SP5 dan meletakkan SP5 di atas hamparan plastik biru tersebut. Perayu ketiga kemudian memanggil semua lelaki tersebut datang ke hamparan itu. Ketika itu lampu motosikal ditengah telah dipadamkan. Ini boleh difahami kerana semua mereka sekarang tidak lagi berada di motorsikal. Kesemua sembilan lelaki tersebut datang duduk mengililingi SP5 di atas hamparan plastik biru tersebut. Perayu ketiga mula membuka pakaian SP5 dan membaringkan SP5 dan lelaki-lelaki yang lain mula memegang kedua-dua tangan dan kaki SP5 yang ditekan ke tanah dan perayu ketiga membuka kangkang SP5 dan mula merogolnya. SP5 tidak dapat mencamkan siapakah yang memegang kaki dan

tangannya kerana lelaki-lelaki itu bersilih ganti memegangnya. Perayu ketiga berbaring di atas badan SP5 sebelum merogolnya. Setiap sembilan lelaki tersebut merogol SP5 secara bergiliran. Di satu ketika selepas perayu kelima (perogol ketiga) merogol SP5, SP5 telah direhatkan selama lebih kurang 30 minit. Selepas itu mereka yang belum mengambil giliran merogol pula SP5 hingga orang terakhir ialah perayu pertama. Setiap mereka memasukkan kemaluan masing-masing ke dalam kemaluan SP5 mengikut giliran masing-masing dan setiap mereka ada mengeluarkan air mani seperti yang SP5 lihat dan rasakan. Peguambela perayu-perayu mencadangkan kepada SP5 bahawa yang memasuki kemaluannya itu bukanlah kemaluan perayu-perayu dan boleh jadi benda keras lain tetapi logiknya mengapa pula air mani dilepaskan ke atas anggota badan SP5 sebaik kemaluan atau 'benda keras' itu dibawa keluar dari kemaluan SP5 setelah perayu sebelumnya 'terhenjut-henjut' di bawah badan SP5. Perayu pertama melepaskan di atas perut SP5 dan kemudian menlapkannya dengan baju SP5. Lain-lain perogol melepaskannya, di peha kanan atau peha kiri SP5 seperti yang SP5 nyatakan setiap satunya. OKT4 mencium mulut SP5 semasa merogol SP5. Perayu kelima merogol SP5 hingga SP5 perlu direhatkan. Setelah selesai kejadian rogol, perayu ketiga mengarahkan SP5 memakai pakaian dan perayu ketiga sendiri memakaikan baju SP5. Selepas SP5 selesai memakai pakaian semua lelaki tersebut meninggalkan SP5 dan perayu ketiga di situ. Perayu ketiga telah pimpin SP5 naik motorsikal dan membawa SP5 ke sebuah rumah dan masuk ke sebuah bilik melalui pintu belakang rumah dan mereka tidur di bilik itu. Pada pagi itu OKT4 telah datang ke bilik tersebut dan mengajak SP5 mandi bersama. Selesai mandi OKT4 meninggalkan SP5 di bilik mandi itu untuk memakai baju. Selepas memakai baju SP5 masuk semula ke bilik yang perayu ketiga berada dan SP5 mendapati perayu ketiga masih tidur dan OKT4 juga tidur. SP5 terus berada di bilik itu hingga lebih kurang jam 4.00 petang sebelum dapat melarikan diri apabila pintu di buka oleh seseorang dari luar. Mahkamah ini berpendapat semua faktor-faktor di atas membantu mutu pengecaman oleh SP5 tersebut.

[78] Dalam isu keupayaan pengecaman oleh SP5 ke atas perayu-perayu (OKT-OKT) hakim sesyen di ms. 169 Rekod Rayuan mengatakan:

> Beliau (SP5) dapat memberikan keterangan terperinci bagaimana beliau dirogol dan oleh siapa dan pada peringkat mana walau pun sembilan merogolnya. Beliau dapat mengingati pakaian yang dipakai oleh tertuduh-tertuduh secara asas dan kemungkinan ini kelebihan

A beliau memandangkan dia ada kekurangan dari segi deria yang lain. Secara keseluruhan mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* dan kesemua tertuduh dipanggil membela diri.

B **[79]** Mahkamah ini melihat kepada pendekatan oleh hakim sesyen yang mahkamah ini memetiknya di atas iaitu nyataan "beliau dapat mengingati pakaian yang dipakai oleh tertuduh-tertuduh secara asas dan kemungkinan ini kelebihan beliau memandangkan dia ada kekurangan dari segi deria yang lain". Hakim sesyen telah melihat
C sendiri SP5 memberi keterangan dan mahkamah ini wajar menghormati dapatan beliau itu, kecuali nyataan beliau iaitu "kemungkinan ini kelebihan beliau" tidak diasaskan dari mana-mana keterangan. Tidak terdapat apa-apa keterangan daripada SP10 (ibu angkat SP5), atau SP9 (guru) atau SP8 (pakar psikiatri) yang
D dapat mengatakan SP5 memiliki kelebihan luar biasa atau kelebihan yang lebih daripada kanak-kanak yang sebaya yang normal. Sebaliknya SP8 mengatakan SP5 mengatakan "saya dapati walaupun "NABTA" pekak dan bisu tetapi punyai tahap intelek yang normal untuk umur dia dan beliau waras pemikiran" (ms. 73
E baris G RR). Oleh yang demikian mahkamah ini berpendapat keupayaan SP5 dalam mencamkan perogol-perogol tersebut hendaklah diuji mutu dan kebolehannya sama seperti saksi-saksi lain yang normal. Disebalik pengataan oleh hakim sesyen tersebut, mahkamah ini dapati faktor-faktor yang perlu bagi pengecaman
F yang bermutu dan credible terdapat dalam kes ini setelah semua keterangan mengikut keadaan diambil kira dan inferens yang boleh dibuat terhadapnya dan dari keterangan langsung SP5 sendiri.

[80] Dalam kes *Arumugan Mutuhusamy v. Public Prosecutor* [1998] 3 CLJ 597 Mahkamah Persekutuan telah dirujukkan dengan
G persoalan undang-undang seperti berikut:

(i) whether dock identification in court after a long lapse of time without holding an identitification parade could be sufficient basis for a conviction; and

H (ii) whether in a case dependent solely on dock identification, the filure by a magistrate to direct himself with regard to the visual evidence of identification in accordance with the established guidelines in *R v. Turnball & Ors* [1976] 3 All ER 549, resulting in a conviction based on uncorroborated
I evidence of identity being quashed would constitute a substantial miscarriage of justice.

[81] Bagi persoalan pertama, Mahkamah Persekutuan memutuskan "it depends on the particular facts and circumstances of each case". Bagi persoalan kedua jawapan adalah "negative". Dalam mendekati persoalan pertama, Mahkamah Persekutuan mengatakan:

> The question, as framed, is in general terms and lacks precise or essential facts necessary for a definite answer "yes" or "no". Much depends on the precise circumstances and the stance of the defence. How long is the 'long lapse'? What are the circumstances in which a witness has seen the accused, eg the distance between him and the accused, the weather condition, any lighting particularly if at night, and if so, quality of the lighting, the length of time the witness sees or observes the accused, any conversation carried on between them, whether the witness had known or seen the accused prior to the incident, and so forth. Facts such as those mentioned above are lacking, but they are essential for the purpose of arriving at more definite answer to the above question referred.
>
> Generally speaking, however, a dock identification in the sense as described above, ie, identification of an accused for the first time in court at the trial is undesirable, and it would be a good practice to hold an identification parade, which, if it turns out to be positive, would tend to strengthen the case for the prosecution. But to hold that an identification parade must, in all circumstances, be conducted in order to sustain a conviction would be too stringent. There may well be situations where an identification parade cannot or need not be held, for example, where the attendance of the witness at the parade is physically impossible or impracticable or there are exceptional circumstances.

[82] Dalam kes *Ong Poh Cheng v. Public Prosecutor* [1998] 4 CLJ 1 Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan hakim bicara yang menerimapakai 'dock identification' sebagai salah satu kaedah pengecaman. Mahkamah Rayuan memutuskan:

> ... as a matter of course, that just because the learned judge rejected the identification at the identification parade, he must of necessity also reject the dock identification of the appellant. His rejection of the evidence of the identification at the identification parade was in no way fatal to the dock identification of the appellant as the person who had committed the offence. On the facts and circumstances of this case, the court or dock identification of the appellant was rightly accepted; *Arumugam s/o Muthusamy v. PP* [1998] 3 CLJ 597; [1998] 3 MLJ 73 distinguished.

Dalam kes *Ong Poh Cheng (supra)* terdapat keterangan-keterangan lain yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang dapat dikaitkan dengan tertuduh tersebut selain dari pengecaman tertuduh di mahkamah oleh saksi terlibat, iaitu pengecaman ke atas tertuduh oleh dua anggota polis (SP9 dan SP12) yang telah berbalas tembak dengan tertuduh, pengecaman ke atas tertuduh oleh tuanpunya kedai emas (SP15) kerana tertuduh ada datang ke kedainya sebelum rompakan, kesan parut terkena tembakan di atas tubuh tertuduh dan jumpaan sebahagian daripada barangan kemas yang dirompak oleh tertuduh dari kedai emas kepunyaan SP15 dan SP1. SP1 juga telah mencamkan barang kemas tersebut milik kedainya.

[83] Berbalik semula kepada pengecaman SP5 ke atas perayu-perayu. Mahkamah ini mendapati terdapat dua perkara dalam kaedah pengecaman oleh SP5 tersebut. Pertama, SP5 telah membuat pengecaman ke atas setiap OKT (perayu) sebagai orang yang merogolnya. Dengan kata lain ianya adalah pengecaman bahawa perayu-perayu berada di tempat kejadian dan terlibat merogolnya. SP5 memberikan butiran bagaimana perlakuan perayu-perayu semasa merogolnya dan sesudah merogolnya.

[84] Kebolehan SP5 membuat pengecaman diperkuat oleh faktor bahawa SP5 telah ada melihat perayu-perayu sebelum itu dari mula di stesyen bas, semasa dalam perjalanan menaiki bas ke Parit Buntar selama lebih kurang satu jam, semasa makan di restoran sebaik turun dari bas dan semasa mereka mula datang duduk mengelilingi SP5 di tempat kejadian dan mencamkan mereka adalah orang yang sama yang merogol SP5. Pengecaman ini adalah kaedah pengecaman kedua yang lebih bersifat 'recognition' kerana perayu telah pernah dilihat atau dikenali sebelum kejadian.

[85] Semasa memberi keterangan di mahkamah, SP5 telah membuat pengecaman ke atas perayu-perayu termasuk OKT4. Pengecaman sedemikian adalah merupakan kaedah 'dock identification' seperti yang diterima dalam kes *Arumugam a/l Muthusamy (supra)* dan *Ong Poh Cheng (supra)* dan ia adalah keterangan yang substantif. Pengecaman tersebut dibuat di hadapan perayu-perayu sendiri dan SP5 pasti dengan pengecamannya itu. Oleh kerana pihak pendakwaan tidak menjadikan pengecaman ke atas perayu-perayu melalui kawad cam (identification parade) bagi membentuk keterangan sokongan, maka pengecaman ke atas perayu-perayu di mahkamah oleh SP5 menjadi 'crucial' bagi kes pendakwaan. Maka di sinilah timbul persoalan

terhadap mutu pengecaman oleh SP5 dan faktor-faktor yang membolehkan SP5 mengecami dengan pasti bahawa perayu-perayu adalah orang-orang yang telah merogolnya pada malam kejadian tersebut.

[86] Dalam kes *Sharifuddin bin Zainuddin v. Pendakwa Raya* [1997] 1 LNS 303, YA Abdul Wahab Patail J. mengatakan:

> Dalam mana-mana perbicaraan, keterangan utama adalah keterangan saksi-saksi yang dengan derianya mengetahui apa yang berlaku. Disini, isunya pengecaman oleh SP1 bahawa Perayu adalah orang yang telah menipunya pada 15/5/91, dimana Perayu telah membuat laporan hari yang sama kepada pihak polis. Kawad cam adalah lebih bagi keperluan polis untuk mempastikan mereka mendapat orang yang berkenaan. Dengan itu maka ada alasan kukuh bagi polis menahan orang berkenaan dan membuat pertuduhan. Bagi pengecaman di mahkamah pengecaman oleh saksi di mahkamah mencukupi, apatah lagi jika pengecaman itu tidak dipersoalkan dalam soal balas. Jika pengecaman di mahkamah di serang dalam soal balas, atau saksi tidak dapat cam orang berkenaan di mahkamah, pendakwaan perlu membuat pilihan samada memasukkan keterangan kawad cam iaitu saksi telah dapat mengecam orang itu pada masa yang lebih dekat kepada kejadian.
>
> Mahkamah di dalam sesuatu rayuan, tidak akan mengganggu penilaian hakim perbicaraan yang dapat melihat dan mendengar seseorang saksi dihadapannya disoal, disoalbalas dan disoal semula, melainkan penilaian itu bertentangan dengan keterangan-keterangan lain: sila lihat *China Airlines Limited v. Maltran Air Corporation Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corporation Sdn Bhd) and Anor Appeal* [1996] 3 CLJ 163; [1996] 2 MLJ 517; [1996] 2 AMR 2233 FC. Jika dihadapannya majistret itu berpuas hati pengecaman yang dibuat oleh saksi itu positif, tanpa bukti kukuh yang menentangnya, maka keputusan majistret itu perlu diterima.

[87] Dalam kes *Public Prosecutor v. Basar* [1965] 31 MLJ 75, mangsa hanya melihat tertuduh secara imbasan sahaja melalui dua atau tiga kali kilauan cahaya kilat (flashes of lightning) semasa tertuduh datang memeluk mangsa dari belakang, menarik baju mangsa dan menolak mangsa ke dalam semak dan menyuruh mangsa diam. Kejadian berlaku hanya dalam beberapa saat. Kejadian berlaku pada jam 11.00 malam di jalan kampong yang tidak berlampu. Mangsa menjerit dan tertuduh melarikan diri dan bayang tertuduh melarikan diri dilihat oleh salah seorang saksi. Mangsa serta merta memberitahu rakannya yang datang membantu bahawa tertuduh 'Basar' telah memegangnya. Mahkamah Tinggi

A mengarahkan supaya pembelaan diri tertuduh dipanggil dan berpuas hati di atas pengecaman tersebut. Di dalam kes itu pengadu juga telah kenali tertuduh sebelum kejadian.

[88] Dalam kes *Public Prosecutor v. Mohd Tonik Mion & Anor* B [1997] 3 CLJ Supp 265, kedua-dua tertuduh dicamkan oleh pengadu dan teman lelakinya melalui cahaya lampu suluh yang dinyalakan sekejap oleh tertuduh, api dari 'lighter' tertuduh dan lampu kereta yang dinyalakan semasa dalam kereta dan di luar kereta. Terdapat juga barangan kemas mangsa dijumpai dari C tertuduh selepas mereka ditangkap. Kejadian rompak dan rogol berlaku pada jam 9.45 malam di atas bukit berdekatan kawasan letak kereta Km. 30.4 Lebuhraya Alor Setar/Bukit Kayu Hitam. Pengadu tidak pernah berjumpa kedua-dua tertuduh sebelum kejadian. Sabitan ke atas tertuduh telah dikekalkan dan mahkamah D berpuas hati terhadap mutu pengecaman di samping keterangan lain yang dapat mengaitkan tertuduh dan kejadian rogol tersebut.

[89] Mahkamah ini bersetuju dengan pendekatan bahawa pengecaman saksi ke atas tertuduh adalah lebih merupakan perkara E fakta. Dengan berpandukan kepada panduan daripada kes-kes dahuluan (precedent), mutu pengecaman adalah bergantung kepada keadaan, tempat, jarak, masa, cahaya, lama mana dan pengalaman yang dialami oleh saksi (mangsa) yang melibatkan tertuduh tersebut seperti peluang mengecami, perbualan, rupa perawakan, pakaian, F saiz tubuh badan, tanda-tanda khusus dan lain-lain. Apa yang penting ialah mangsa dengan kukuhnya atau secara positif dapat mengecamkan tertuduh sebagai orang yang berada di tempat kejadian dan melakukan perlakuan rogol ke atasnya. Pengecaman itu adalah dibuat bukan berdasarkan 'recognition' kerana pernah G melihat tertuduh sebelum itu, tetapi berdasarkan 'identification' bahawa tertuduhlah yang telah melakukan perbuatannya ke atas mangsa dan berada di tempat kejadian. Dalam kes ini oleh kerana SP5 seorang yang pekak dan bisu maka pengecaman lebih tertumpu kepada apa yang SP5 lihat (visual) dan deria rasa yang H merakamkan pengalamannya itu.

[90] Berdasarkan kepada butir-butir keterangan SP5 yang telah mahkamah ini huraikan di atas, mahkamah ini akan melihat pencaman oleh SP5 tersebut kepada dua kategori, iaitu perayu yang berada dengan SP5 sebelum, semasa dan selepas kejadian, I Satu lagi kategori ialah perayu yang berada dengan SP5 sebelum dan semasa kejadian. Bagi kategori pertama melibatkan pengecaman ke atas OKT4 dan perayu ketiga.

[91] Bagi pengecaman OKT4, walau pun beliau tidak membuat rayuan terhadap sabitannya, faktor pengecaman berdasarkan perkara berikut:

(i) berkenalan dengan SP5 di stesyen bas Butterworth dan bertukar maklumat dengan SP5 menggunakan telefon bimbit;

(ii) menarik tangan SP15 untuk naik ke dalam bas;

(iii) berada di dalam bas di bahagian tempat duduk belakang dan mengarahkan SP5 duduk di lantai bas;

(iv) berada di dalam bas selama lebih kurang satu jam semasa perjalanan ke pekan Parit Buntar,

(v) membawa SP5 ke restoran setelah turun dari bas

(vi) membawa SP5 menaiki motosikal berpusing-pusing di sekitar pekan Parit Buntar, ke rumah perayu pertama, ke restoran semula dan memberi SP5 minuman, ke pondok telefon, ke ladang kelapa sawit tempat kejadian, memberhentikan motosikal di tempat kejadian yang membawa kepada perlakuan rogol ke atas SP5,

(vii) Mandi bersama SP5 di sebuah rumah selepas kejadian,

(viii) Dilihat tidur oleh SP5 di bilik rumah yang SP5 di bawa selepas kejadian sebelum SP5 melarikan diri dari rumah tersebut pada jam 4.00 petang.

[92] Bagi perayu ketiga, pengecaman oleh SP5 berdasarkan:

(i) Berada bersama OKT4 semasa berkenalan dengan SP5 di stesyen bas Butterworth;

(ii) Di camkan sebagai lelaki yang menolak SP7;

(iii) Berada di dalam bas dalam tempoh sejam perjalanan ke pekan Parit Buntar;

(iv) Berada di restoran selepas turun dari bas;

(v) Papah SP5 dan meletakkan SP5 di atas hamparan plastik biru semasa kejadian;

(vi) Membuka pakaian SP5;

(vii) Lelaki pertama merogol SP5;

(viii) Melepaskan air mani di atas perut SP5;

A (ix) Menggunakan baju SP5 bagi menlapkan air mani di atas perut SP5;

(x) Mengarahkan SP5 memakai pakaian selepas kejadian;

(xi) Memakaikan baju SP5 selepas kejadian;

B

(xii) Tinggal bersama SP5 selepas kejadian apabila lelaki-lelaki lain beredar dari tempat kejadian;

(xiii) Membawa SP5 ke sebuah rumah dan bilik selepas kejadian;

C (xiv) Di lihat masih tidur di bilik rumah yang sama oleh SP5 sebelum SP5 melarikan diri dari rumah tersebut pada jam 4 petang.

[93] Kategori kedua adalah bagi pengecaman SP5 ke atas perayu D kelima, kedua dan pertama.

[94] SP5 mencamkan perayu kelima atas faktor-faktor berikut:

(i) di lihat berada di dalam bas semasa perjalanan ke pekan Parit Buntar;

E

(ii) berada bersama di restoran selepas turun dari bas di Pekan Bukit Mertajam;

(iii) meletakkan hamparan plastik berwarna biru di tempat kejadian;

F (iv) lelaki ketiga merogol SP5 sebelum SP5 direhatkan selama lebih kurang 30 minit.

[95] SP5 mencamkan perayu kedua di atas faktor-faktor berikut:

G (i) dilihat berada di dalam bas semasa perjalanan ke pekan Parit Buntar;

(ii) berada bersama di restoran selepas turun dari bas di pekan Parit Buntar;

H (iii) merogol SP5 sebagai perogol ke tujuh.

[96] SP5 mencamkan perayu pertama di atas faktor-faktor berikut:

(i) dilihat berada di dalam bas semasa perjalanan ke pekan Parit Buntar;

I

(ii) berada di restoran selepas turun dari bas di pekan Parit Buntar;

(iii) dilihat berbual-bual dengan OKT4 sebelum OKT4 membawa semula SP5 pusing pekan Parit Buntar;

(iv) sebagai lelaki kesembilan iaitu yang terakhir merogol SP5.

[97] Cahaya di tempat kejadian adalah gelap tetapi pada peringkat awal sebaik sebelum lelaki-lelaki datang duduk di hamparan terdapat cahaya dari lampu motorsikal. Selepas lampu motosikal itu dipadamkan SP5 mengatakan dapat melihat lelaki-lelaki yang merogolnya kerana muka mereka berhadapan muka SP5 dan jarak lelaki-lelaki tersebut semasa bersama SP5 adalah satu kaki. SP12 (pegawai penyiasat) mengatakan walau pun tempat kejadian gelap tetapi boleh lihat pada jarak 10 kaki. Setelah menimbangkan dapatan hakim sesyen terhadap kualiti pengecaman yang disandarkannya, mahkamah ini tidak mendapatinya sebagai sesuatu yang tidak munasabah. Oleh itu pengecaman oleh SP5 adalah meyakinkan dan positif untuk diterima. Setiap kes mempunyai merit dan ciri-cirinya sendiri dalam hal pengecaman dan setiap saksi mempunyai persepsi atau sensitivitinya sendiri. Apa yang penting ialah keadaan persekitaran dan faktor-faktor yang boleh membantu pengecaman yang positif wujud dan sama ada pengecaman tersebut credible untuk membolehkannya diterima dengan yakin disamping keterangan-keterangan lain yang dapat menyokongnya.

(e) Adakah hakim sesyen gagal menimbangkan pembelaan diri perayu-perayu

[98] Peguam yang bijaksana menghujahkan pembelaan perayu-perayu telah menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan hakim sesyen gagal menimbangkannya.

[99] Mahkamah ini pada awal penghakiman telah menurunkan butiran dapatan hakim sesyen terhadap keterangan pembelaan diri perayu dan keterangan alibi yang dibawa oleh perayu pertama, kedua dan ketiga. Hakim sesyen juga telah melihat pembelaan perayu secara individu yang akhirnya diputuskan sebagai tidak menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan. Hakim sesyen telah memberikan alasan mengapa pembelaan perayu-perayu ditolak olehnya.

[100] Mahkamah ini mendapati hakim sesyen tidak tersalah arah dirinya di dalam mempertimbangkan pembelaan perayu-perayu tersebut dan beban pembuktian pembelaan yang hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Mahkamah in juga telah meneliti keterangan DW1, DW2, DW3, DW4, DW5, DW6, DW7 dan DW8 dan mendapati dapatan

A hakim bicara terhadapnya tidak bersalahan. Tidak timbul keadaan kegagalan atau 'insufficient judicial appreciation of the evidence' oleh hakim sesyen dalam mencapai keputusannya itu. Oleh yang demikian mahkamah ini dengan hormatnya berpendapat hujahan peguam dalam perkara ini tidak mempunyai merit.

B

Kesimpulan

[101] Di atas huraian dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini mendapati sabitan oleh hakim sesyen ke atas perayu pertama, kedua, ketiga, OKT4 dan perayu kelima adalah selamat
C dilakukan dan mahkamah ini mengekalkannya.

[102] Dalam hal penghukuman, mahkamah ini tidak mendapati apa-apa unsur yang "unauthorized or extraneous or irrelevant" yang diambilpakai oleh hakim sesyen dalam penghukuman ke atas
D perayu-perayu. Oleh itu mahkamah ini tidak akan mengganggui atau mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh hakim sesyen tersebut setelah semua laporan akhlak perayu dibentangkan dan dipertimbangkan oleh hakim sesyen dalam mencapai perpadanan dan kewajaran hukuman tersebut dan setelah memberikan
E pertimbangan ke atas faktor-faktor umur dan mitigasi perayu-perayu. Semasa kejadian perayu pertama berumur 19 tahun 10 bulan, perayu kedua 16 tahun 11 bulan, perayu ketiga 17 tahun 11 bulan, OKT4 berumur 20 tahun 12 hari dan perayu kelima 18 tahun 7 bulan.

F

[103] Oleh itu rayuan oleh perayu-perayu ditolak. Sabitan dan hukuman oleh hakim sesyen dikekalkan.

[104] Setelah tamat mahkamah ini menyampaikan keputusan
G penghakimannya, kedua-dua peguam yang mewakili perayu-perayu telah memohon untuk penangguhan pelaksanaan hukuman di atas alasan untuk membuat rayuan terhadap keputusan rayuan ini terhadap isu-isu fakta dan undang-undang yang dibangkitkan. Setelah mempertimbangkannya, mahkamah ini bersetuju dan
H membenarkan permohonan tersebut dengan syarat notis rayuan dimasukkan dengan segera dan peguam-peguam memberi akujanji memasukkannya pada hari ini juga. Mahkamah juga mengekalkan jaminan dan amaun jaminan yang sedia ada dan semua penjamin perayu-perayu yang hadir bersetuju meneruskan jaminan masing-
I masing.